



**YB DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD,**  
DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-12, ANGKAT SUMPAH



QR code  
(penerbitan rasmi mbjb)



SESI 'CLOCK OUT' DATUK BANDAR KE-11



PROGRAM 'PAPAT 2019', HARGAI ALAM SEKITAR



MBJB TERIMA ANUGERAH EMAS  
SEMPENA 'MYPLACE AWARDS 2019'

- 3 > PROGRAM 'PINK OCTOBER' 2019  
 4 > PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS AWAM  
 5 > PROGRAM 'WALK: SIHAT JOHOR 2019' & SAMBUTAN HARI DIABETES  
 6 > PROGRAM PENANAMAN POKOK 'PLEDGE & PLANT A TREE'  
 7 > SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1441H  
 8 > INFO LAWATAN  
 9 > INFO KURSUS  
 10 > KILAS LENSA  
 11 > PROGRAM 'PLACEMAKER WEEK ASEAN'  
 > MBBJ TANDATANGANI PERJANJIAN 'SUPPLY AGREEMENT WITH RENEWABLE ENERGY (SARE)'  
 12 > MBBJ TERIMA ANUGERAH EMAS SEMPERNA 'MYPLACE AWARDS 2019'  
 13 > SESI 'CLOCK OUT' DATUK BANDAR KE-11  
 14 > SESI 'CLOCK IN' DATUK BANDAR KE-12  
 15 > MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAAH DATUK BANDAR KE-12  
 16 & 17 > PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21  
 18 > 'ISKANDAR MALAYSIA ECOLIFE CHALLENGE'  
 19 > MBBJ KE SUKAN SEA 2019  
 > 'JOHOR FUN RIDE 2019' BERSEMPENA 'JB WAKE UP! CAR FREE DAY'  
 20 & 21 > MBBJ SANA SINI  
 22 > MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT MBBJ  
 23 > MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH UTAMA CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2018 & PELANCARAN APLIKASI MOBILE eKHIDMAT

**PENAUNG**

YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud  
Datuk Bandar

**PENASIHAT**

Encik Abdul Malik bin Haji Ismail  
Setiausaha

Ir. Puan Hajah Nazatul Shima  
binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha

**KETUA PENGARANG**

Puan Fadzlina binti Abdul Malek

**SIDANG PENGARANG**

Puan Hidayah binti Yusof  
Cik Nurul Shafina binti Shaari  
Puan Norasmah binti  
Mohd Adros

**JURUFOTO**

Haji Bahri bin Abdullah  
Encik Romzi bin Yusof

**URUS SETIA**

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan  
Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

**LENSA BANDAR RAYA JB** diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru

**HAK CIPTA TERPELIHARA.** Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

**DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)****PEJABAT DATUK BANDAR**

Pejabat Am 07-228 2600

**PEJABAT SETIAUSAHA**

Pejabat Am 07-228 2625

**PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA**

Pejabat Am 07-219 8105

**BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM**

Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam 07-219 8060

Unit Perhubungan Awam (Aduan) 07-219 8061

Unit Korporat & Penerbitan 07-219 8052

Unit Penswastaaan & Pelaburan 07-228 2627

**BAHAGIAN AUDIT DALAM**

Pejabat Am 07-219 8311

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG**

Pejabat Penasihat Undang-Undang 07-219 8302

Pejabat Am 07-219 8305

Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru) 07-228 2643

**BAHAGIAN INTEGRITI**

Pejabat Am 07-219 8117

**BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)**

Pejabat Am 07-223 8531

**UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Pejabat Am 07-222 4923

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**

Pejabat Am 07-219 8229

Direktorat Penguatkuasa (Segget) 07-226 1025

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan 07-219 8371

Bahagian Pentadbiran 07-219 8359

Bahagian Teknologi Maklumat 07-219 8069

Bahagian Sumber Manusia 07-219 8183

Bahagian Ukur Bahan & Kontrak 07-219 8097

Unit Dasar, Inovasi & Latihan 07-219 8171/  
07-219 8114

Unit Mesyuarat 07-228 2610

**JABATAN KEWANGAN**

Pejabat Pengarah Kewangan 07-219 8091

Bahagian Hasil 07-219 8050

Bahagian Perbelanjaan 07-219 8093

Unit Letak Kereta 07-219 8077

**JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

Pejabat Pengarah Penilaian 07-219 8223

Bahagian Penilaian 07-227 1055

Bahagian Pengurusan Harta 07-223 8469

Bahagian Tunggalakan Cukai Harta & Caj Pemajuan 07-222 9962

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

Pejabat Pengarah Perancangan 07-227 1029

Bahagian Kawalan Perancangan 07-219 8218

Bahagian Rancangan Pemajuan 07-219 8245

**JABATAN BANGUNAN**

Bahagian Kawalan Bangunan 07-228 2511

Bahagian Penguatkuasaan Bangunan 07-219 8237

Bahagian Projek Bangunan 07-219 8145

**JABATAN LANDSKAP**

Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap 07-228 2635

Bahagian Taman Awam 07-228 2636

Bahagian Arborikultur 07-217 4575

Bahagian Hortikultur 07-216 7964

**JABATAN KEJURUTERAAN**

Pejabat Pengarah Kejuruteraan 07-228 2596

Pejabat Am 07-228 2597

Bahagian Pengangkutan Bandar 07-227 7235

Bahagian Kejuruteraan Awam 07-219 8131

Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC 07-351 1503

Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin) 07-351 3262

Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai 07-219 8125

**JABATAN KESIHATAN**

Pejabat Pengarah Kesihatan 07-228 2619

Bahagian Kesihatan Awam 07-228 2564

Klinik Bandaraya (JOTIC) 07-228 2630

Bahagian Kesihatan Alam Sekitar 07-228 2605

**JABATAN PELESENAN**

Pejabat Pengarah Pelesenan 07-228 2563

Bahagian Pelesenan 07-228 2501

Bahagian Penjaja 07-227 7576

Unit Iklan 07-228 2562

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN**

Pejabat Pengarah Kemasyarakatan 07-223 1026

Bahagian Sukan & Pelancongan 07-224 6708

Bahagian Sosial & Kebudayaan 07-224 4139

Perpustakaan Sultan Ismail 07-239 1791



# PROGRAM 'BREAST CANCER AWARENESS PINK OCTOBER' 2019

**19 Oktober 2019** - Buat julang kalinya, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Jabatan Pembedahan Am, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (HSI JB), SKS Group Sdn Bhd dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menganjurkan sambutan 'Pink October' bersempena bulan kesedaran kanser payudara, bertempat di Taman Merdeka, Johor Bahru bermula jam 7.00 pagi.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Selahuddeen bin Abd Aziz, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Turut hadir dalam program tersebut ialah Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBJB, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB, Ketua Jabatan Pembedahan HSI JB dan ramai lagi.

Program tersebut diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya kanser payudara dan mengenal pasti punca dan tanda-tanda awal kanser tersebut kepada orang ramai. Seramai 500 orang peserta dianggarkan terlibat menjayakan program ini.

Pelbagai pengisian program yang menarik dan berilmiah diadakan antaranya Forum Kesedaran Kanser Payudara, *Breast Cancer Support Group Talk*, acara 'zumba', pertandingan mewarna kanak-kanak, cabutan bertuah, persembahan dari orkestra MBJB dan HSI JB, sesi 'grooming' oleh AVON serta pameran, gerai jualan dan food truck disediakan buat pengunjung.





# PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS AWAM BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

**22 - 23 Oktober 2019** – Majlis Bandaraya Johor Bahru sekali lagi menempa nama dan kejayaan dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut terlibat selaku panel penilai dalam Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mewujudkan tandas awam yang bersih, selamat dan sihat. Pada kali ini, MBJB telah menghantar penyertaan sebanyak tujuh buah tandas yang terpilih sebagai calon akhir daripada 13 calon untuk turut serta dalam pertandingan ini, antaranya:

1. KOMTAR JBCC, Aeon Mall Bandar Dato' Onn dan Galleria Kotaraya (Kategori Pusat Beli-Belah)
2. Sekolah Kebangsaan St. Joseph dan Bandar Baru Uda 2 (Kategori Sekolah)
3. Masjid Sultan Abu Bakar (Kategori Rumah Ibadat)
4. Restoran Pekin KK Sdn Bhd (Kategori Restoran)

Pertandingan ini terdiri daripada 12 kategori tandas kegunaan awam untuk dinilai sebagai tandas terbersih dan terbaik iaitu tandas Pihak Berkuasa Tempatan, tandas pejabat kerajaan, tandas kawasan pelancongan, tandas hentian pengangkutan awam, tandas rumah ibadat, tandas sekolah menengah dan sekolah rendah, tandas institut pengajian tinggi awam dan swasta, tandas pusat beli-belah, tandas kedai makan dan tandas stesen minyak.



Komtar JBCC



Galleria @ Kotaraya, Johor Bahru



Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru



Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Uda 2





# PROGRAM 'WALK: SIHAT JOHOR 2019 & SAMBUTAN HARI DIABETES PERINGKAT NEGERI JOHOR 2019

**BERTEMAKAN '1 KELUARGA 1 NCD KIT'**

**2 November 2019** – YB Tuan Mohd Izhar Ahmad, ADUN Larkin, selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor merasmikan program 'WALK: Sihat Johor 2019' dan sambutan Hari Diabetis Peringkat Negeri Johor 2019 bersempena *JB Wake Up! Car Free Day*.

Beliau telah berkesempatan menyampaikan 'NCD Kit' (Non Communicable Disease Kit) kepada wakil dari 10 daerah dalam negeri Johor sebelum melepaskan peserta acara 'WALK: Sihat' dan melawat ke booth pameran acara tersebut di hadapan bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Turut hadir ke program berkenaan ialah YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan ramai lagi.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya *fun walk, zumba, x fitness, busking, sukan rakyat, senam sihat* dan sebagainya.



# PAPAT 2019

## "PLEDGE AND PLANT A TREE PROGRAMME" & MAJLIS PERASMIAN PUSAT KOMUNITI TAMAN EKOFLORA

**GREEN & COMMUNITY, TOGETHER IS BETTER**

DIRASMIKAN OLEH:

**Y.B Dato' Haji Amran bin A. Rahman**  
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru

TEMPAT : TAMAN BANDAR EKOFLORA, JOHOR BAHRU  
TARIKH : 3 NOVEMBER 2019 (AHAD)  
MASA : 8.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI

# PROGRAM PENANAMAN POKOK 'PLEDGE & PLANT A TREE'

*Inisiatif ke arah bandar raya rendah karbon*



**3 November 2019** – YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru merasmikan Program Penanaman Pokok, 'Pledge & Plant A Tree' (PAPAT) 2019 bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 di Pusat Komuniti Taman Ekoflora, Johor Bahru.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Chang Kim Wah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Eco World Sdn. Bhd. dan YBrs. TPr. Haji Md Nazri bin Noordin, wakil rasmi Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia.

Program PAPAT 2019 ini bertujuan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Johor yang menyasarkan penanaman 2,000 batang pokok di seluruh negeri Johor pada tahun 2019. Sehubungan itu, sebanyak 215 batang pokok telah ditanam bersama-sama pihak Eco World dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP). Tambahan lagi, sebanyak 140 batang pokok akan ditanam oleh pihak MBBJ di dua buah lokasi berbeza iaitu di Hutan Bandar Johor Bahru dan Taman Bunga Raya Johor Bahru.

MBJB amat komited dalam usaha menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya rendah karbon dengan menyasarkan pelaksanaan 247 program tindakan 'Low Carbon Society' menjelang tahun 2025.





# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1441H PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU

**9 November 2019** – Sambutan Maulidur Rasul SAW merupakan acara tahunan yang diraikan bagi mengenang dan menyantuni peribadi mulia Baginda Nabi Muhammad SAW dengan memperbanyakkan selawat kepadanya. Tahun hijrah ke-1441 kali ini menyaksikan sambutan ini bertemakan cogan iaitu 'Negara Rahmat, Ummah Sejahtera'.

Majlis Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW 1441H Peringkat Daerah Johor Bahru telah diadakan di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Perarakan yang diiringi selingan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW itu bermula di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan berakhir di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.

Sementara itu, DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Idris ibni Sultan Ibrahim Ismail turut berangkat ke Masjid Jamek Sultan Ismail, Batu Pahat dan mengetuai perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Johor. Majlis Bandaraya Johor Bahru turut muncul Johan bagi kategori Kontinjen Terbaik (Jabatan Kerajaan) dalam perarakan tersebut. Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini disertai 50 kontinjen perarakan dari agensi kerajaan mahupun swasta di sekitar negeri Johor Darul Ta'zim.



01

**Sekitar...**  
Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Johor Bahru di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru



02

**Sekitar...**  
Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Johor di Masjid Jamek Sultan Ismail, Batu Pahat, Johor





#### Lawatan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam

Tarikh : 2 Oktober 2019

Objektif : Mempelajari input perancangan berkaitan tapak kajian dan pelan perancangan pembangunan pusat bandar Johor Bahru.

Jumlah peserta : 32 orang

Jabatan terlibat : Jabatan Perancangan Pembangunan



#### Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Tarikh : 10 Oktober 2019

Objektif : Mendapatkan pendedahan mengenai faktor-faktor kemajuan pembangunan produk pelancongan sebagai salah satu sumber utama ekonomi di Langkawi dan lawatan ke kawasan pelancongan menarik di Langkawi.

Jumlah peserta : 25 orang

Jabatan terlibat : Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam



#### Lawatan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam

Tarikh : 7 November 2019

Objektif : Perkongsian Idea mengenai reka bentuk pembangunan kawasan bandar antara Johor Bahru dan bandar Yogyakarta, Indonesia.

Jumlah peserta : 11 orang

Jabatan terlibat : Jabatan Landskap



#### Kunjungan Hormat Pemerintah Kota Tangerang Selatan, Indonesia ke Pejabat Datuk Bandar Johor Bahru

Tarikh : 10 November 2019

Objektif : Perbincangan mengenai Final Draft Letter of Intent, Scope of Work dan Ceremony MOU untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Kota Tangerang Selatan.

Jumlah peserta : 4 orang

Jabatan terlibat : Pejabat Datuk Bandar dan Bahagian Teknologi Maklumat



#### Lawatan dari Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh : 14 November 2019

Objektif : Mendapatkan pendedahan berkaitan pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam dan pengurusan alam sekitar di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Jumlah peserta : 60 orang

Jabatan terlibat : Jabatan Kesihatan



#### Lawatan dari Majlis Perbandaran Segamat

Tarikh : 9 Disember 2019

Objektif : Perkongsian ilmu berkaitan permohonan pemberian kuasa oleh Menteri Pengangkutan Jalan bagi kuasa melakukan kompaun kepada pegawai yang bertanggungjawab.

Jumlah peserta : 10 orang

Jabatan terlibat : Bahagian Undang-Undang



### Kursus Budaya Kerja Cemerlang

Tarikh: 1 Oktober 2019 – 3 Oktober 2019

Objektif: Berkongsi pemikiran berkenaan tujuan ke arah mencapai matlamat secara berpasukan di samping mewujudkan komunikasi berkesan antara satu sama lain.  
Jumlah Peserta: 40 orang



### Kursus Imej dan Personaliti

Tarikh: 6 Oktober 2019 – 7 Oktober 2019

Objektif: Mempelajari teknik menjaga imej dan personaliti dan panduan ke arah cara berketerampilan dan berkomunikasi dengan baik.  
Jumlah Peserta: 50 orang



### Kursus Bahasa Inggeris

Tarikh: 5 November 2019 – 6 November 2019

Objektif: Memberi kefahaman mengenai perbendaharaan kata, format penulisan, gaya dan perbualan dalam Bahasa Inggeris yang digunakan di tempat kerja.  
Jumlah Peserta: 40 orang

INFO

# KURSUS



### Kursus Kesihatan Sempena Minggu Gaya Hidup Sihat

Tarikh: 12 November 2019

Objektif: Menjelaskan cara yang betul untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menyenaraikan jenis-jenis pemakanan yang sesuai untuk kesihatan tubuh badan.  
Jumlah Peserta: 70 orang



### Kursus Memperkasa Pengurusan Perolehan Kerajaan

Tarikh: 26 November 2019 – 27 November 2019

Objektif: Memberi peluang kepada peserta memahami konsep perolehan dan sebut harga dan mempelajari tatacara perolehan secara sebut harga mengikut kriteria dan peraturan yang ditetapkan.  
Jumlah Peserta: 40 orang



# KILAS



## '4th Johor International Archery Tournament'



**2-6 Oktober 2019** : Persatuan Memanah Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru menganjurkan acara memanah antarabangsa bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Seramai 120 orang atlet dari lapan buah negara serta 14 negeri dalam Malaysia bersaing dalam acara 'Recurve' dan 'Compound' kategori individu, 'mix team' dan berpasukan.

## Lawatan peserta 'Asian Cultural Landscape Association Conference (ACLA) ke Coronation Avenue



**10 Oktober 2019** : Sempena persidangan antarabangsa ACLA berjudul 'Perception and Aesthetics of Cultural Landscape in Asia' yang berlangsung di Johor Bahru, peserta persidangan tersebut berkesempatan memilih lokasi Coronation Avenue sebagai salah sebuah destinasi bagi melakukan serba sedikit kajian di kawasan tersebut. Hal ini bagi melengkapi topik kajian para peserta antaranya dari aspek persekitaran, pembangunan, kelestarian, landskap budaya, bandar warisan bersejarah dan lain-lain.

## Lawatan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor ke Johor International Youth Hub di Hutan Bandar Johor Bahru



**21 Oktober 2019** - Sekitar lawatan YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor ke Johor International Youth Hub, Hutan Bandar Johor Bahru bagi memantau perkembangan projek pembangunan kawasan rekreasi moden di kawasan tersebut yang dijangka akan dibuka pada tahun 2020.



# PROGRAM 'PLACEMAKER WEEK ASEAN'

'Platform' baharu, reka bentuk bandar raya maju

**11 November 2019** – Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Think City telah mengadakan program 'Placemaker Week Asean' bertempat di Hotel Amari, Johor Bahru. Program ini diadakan sebagai 'platform' kepada orang awam untuk menyumbang idea dalam usaha mereka bentuk bandar raya maju seperti Johor Bahru ini mengikut keperluan penduduk dan masyarakat setempat. Usaha ini adalah selaras dengan visi organisasi ini bagi menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



# MBJB TANDATANGANI PERJANJIAN 'SUPPLY AGREEMENT WITH RENEWABLE ENERGY (SARE)' BERSAMA TNB DAN GSPARX

**14 November 2019** – YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah menandatangani perjanjian kontrak 'SARE' bagi pemasangan panel solar di bumbung bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama-sama pemasangan struktur parkir bangunan MBJB di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru.

Usaha sama ini bertujuan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan penjanaan tenaga melalui 'renewable energy' kepada 20% menjelang tahun 2025 dan sekali gus menjadikan bandar-bandar di negeri Johor sebagai sebuah bandar rendah karbon.

Melalui perjanjian ini, MBJB mengorak langkah ke hadapan bagi melaksanakan inisiatif 'Masyarakat Rendah Karbon MBJB 2025', selain merupakan Pihak Berkuasa Tempatan pertama di negeri Johor yang menandatangani usaha sama 'renewable energy' seumpama ini.





# MBJB TERIMA ANUGERAH EMAS SEMPENA 'MyPLACE AWARDS 2019'

**16 November 2019** – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima Anugerah Emas bagi Kategori 'Jalan Belakang dan Jalan Kaki Lima' dalam Anugerah 'MyPlace Awards 2019'. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Ir. Hajah Nazatul Shima Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB.

Anugerah Emas ini diberikan sebagai penghargaan bagi pelaksanaan program penambahbaikan jalan belakang dan jalan kaki lima di Jalan Tan Hiok Nee yang telah dilaksanakan oleh MBJB. Pelaksanaan projek tersebut merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Johor Bahru.

'MyPlace Awards 2019' anjuran *Malaysian Institute of Planners* ini bertujuan mengiktiraf kecemerlangan dalam 'placemaking' oleh badan-badan dan komuniti dalam usaha menambahbaik kawasan awam yang memberikan impak positif kepada komuniti setempat.



Projek menaik taraf lorong belakang (Laneways Improvement Programme) yang mentransformasikan lorong belakang premis sebagai ruang yang selamat dan selesa digunakan.

SEBELUM



SELEPAS





# SELAMAT MAJU JAYA YB DATO' HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN

*Sesi 'clock out' Datuk Bandar Johor Bahru ke-11*



**14 November 2019** – Lebih dua tahun berkhidmat sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-11, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada warga Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam sesi 'clock out' yang berlangsung pada November lalu.

Sesi 'clock out' atau 'rakam keluar' ini telah dihadiri oleh anggota MBBJ termasuklah barisan ketua jabatan dan bahagian, Ahli-Ahli Majlis serta warga kerja MBBJ sendiri. Oleh kerana YB Dato' Haji Amran memiliki aura tersendiri selaku pentadbir bandar raya Johor Bahru ke-11, pemergian beliau dari organisasi ini ditangani oleh ramai warga kerja. Walaupun berat hati, beliau percaya bahawa pertukaran tersebut adalah suatu peluang untuk beliau terus mencurahkan khidmat bakti di agensi lain terutamanya dalam sektor awam ini.

Ahli Majlis dan seluruh warga kerja mengucapkan 'Selamat Maju Jaya' dan terima kasih atas jasa bakti YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman yang telah mempamerkan khidmatnya yang cemerlang sepanjang mengetuai mandat sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-11. Jasamu dikenang...





# SESI 'CLOCK IN'

## YB DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-12

**17 November 2019** – Warga Majlis Bandaraya Johor Bahru melahirkan rasa bangga dan sukacita menerima kehadiran Datuk Bandar Johor Bahru yang baharu, iaitu YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud yang menggantikan Datuk Bandar ke-11 MBBJ, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman.

Sesi clock in atau 'rakam masuk' Datuk Bandar Johor Bahru ke-12 ini telah dihadiri oleh ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MBBJ sendiri.

Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBBJ mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud atas pelantikan sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-12 di MBBJ.



# MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-12

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 BERSAMAAN 23.00 JALAWAL 1441H  
TEMPAT : DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM JOHOR BAHRU

## MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud dilantik sebagai  
Datuk Bandar Johor Bahru ke-12



**20 November 2019** – Mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud telah dilantik sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-12 dalam Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah yang berlangsung pada November lalu. Pelantikan beliau ke jawatan tersebut bagi menggantikan mantan Datuk Bandar ke-11, YB Dato' Haji Amran bin A. Rahman.

Majlis penuh istiadat tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, Menteri Besar Johor di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Turut hadir ke majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Tuan Tan Cheng Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Negeri Johor, YB Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Majlis tersebut bermula dengan upacara pelantikan dan penyerahan surat pelantikan sebagai Datuk Bandar ke-12 MBBJ diikuti dengan pengakuan menerima jawatan serta akuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar menentang rasuah. Selesai pembacaan sumpah dan ikrar, upacara menandatangani dan penyerahan surat cara pelantikan oleh Datuk Bandar ke-12 dilakukan.

Selesai upacara pelantikan, YAB Menteri Besar Johor telah menyempurnakan upacara menyarungkan jubah dan memakaikan kalung serta songkok kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud sebagai pakaian rasmi Datuk Bandar Johor Bahru.



Tarikh : 5 Oktober 2019



1

Sukan Rakyat Zon Stulang di Projek Perumahan Rakyat Sri Stulang

Tarikh: 11 Oktober 2019



2

Program Gotong-Royong Zon Taman Rinting di Rumah Pangsa Megah Ria

Tarikh : 12 Oktober 2019



3

Program Prihatin Bandar Raya Zon Bandar Baru Uda di Rumah Pangsa Desa Muafakat

# Program ZON AHLI MA



Tarikh : 19 Oktober 2019



4

Program 'Fun Walk' dan Kempen Kesedaran Kanser Zon Kebun Teh di Taman Kebun Teh

Tarikh : 2 November 2019



6

Program 'Search and Destroy' Zon Plentong-Taman Rinting di Rumah Pangsa Daisi, Taman Plentong

Tarikh : 2 November 2019



5

Karnival Mahabbah Zon Kg. Melayu di Medan Niaga Kg. Melayu

Tarikh : 15 November 2019



7

Sambutan Maulidur Rasul Zon Tampoi di Taman Desa Rahmat

Tarikh : 16 November 2019

8



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Zon Bakar Batu di Kg. Dato' Sulaiman Menteri

Tarikh : 16 November 2019

9



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Zon Desa Cemerlang di Masjid Al-Falah Desa Jaya

Tarikh : 23 November 2019

10



Kejohanan Berbasikal Cabaran Batu Gajah Zon Tiram di Felda Ulu Tebrau

# JLIS & LAZ1



Tarikh : 7 Disember 2019

13



Gotong-Royong Zon Pelangi Indah di Taman Pelangi Indah, Johor Bahru

Tarikh : 30 November 2019

11



Majlis Berkhatan Perdana Parlimen Pulau Zon Tampoi di Balai Raya Kg. Pasir

Tarikh : 7 Disember 2019

14



Hari Keluarga Zon Mount Austin di Jalan Austin 5 Taman Mount Austin

Tarikh : 30 November 2019

12



Sambutan Maulidur Rasul Zon Kempas di Surau Al-Mashur Lurah 2 Kempas



# 'ISKANDAR MALAYSIA ECOLIFE CHALLENGE'

*Galakan inisiatif rendah karbon dalam kalangan generasi muda*

**12 November 2019** – Bagi melahirkan generasi muda yang cakna mengenai inisiatif rendah karbon, program berjudul 'Iskandar Malaysia Ecolife Challenge' telah diadakan dan mendapat penyertaan daripada 16 buah sekolah rendah terpilih dalam negeri Johor. Melalui program ini, para pelajar berpeluang mempersembahkan pelaksanaan inisiatif rendah karbon yang dijalankan di sekolah masing-masing selain bertanding dalam cabaran-cabaran yang menguji pengetahuan mereka dalam aspek rendah karbon.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Tan Cheng Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Negeri Johor bertempat di Aeon Mall Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

Menjelang tahun 2020, yang juga merupakan Tahun Melawat Johor, MBBJ komited menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah bandar rendah karbon. Hal ini diterjemahkan melalui inisiatif rendah karbon yang telah dilaksanakan oleh MBBJ, agensi kerajaan dan swasta sebagaimana 247 program yang digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon MBBJ 2025.





## ANGGOTA MBBJ WAKILI NEGARA KE SUKAN SEA 2019

**1 Disember 2019** – Lima anggota MBBJ telah terpilih bagi mewakili Malaysia dalam acara 'Traditional Dragon Boat Race' di Sukan SEA 2019 yang berlangsung di Manila, Filipina. Barisan anggota tersebut ialah Khairrul Rabbani bin Abdul Jabar (Jabatan Penguatkuasaan), Ahmad Shafiee bin Abdul Jabar (Jabatan Penguatkuasaan), Fajan bin Satta (Jabatan Kejuruteraan), Imam Sujadi bin Satta (Jabatan Landskap) dan Mohd Iwan Shah bin Abdul Rahim (Jabatan Penguatkuasaan). Acara 'Traditional Dragon Boat Race' ini dijadualkan berlangsung pada 7 hingga 8 Disember 2019. Tahniat dan semoga berjaya!

*Antara Kejuaraan Pasukan MBBJ dalam Acara 'Traditional Dragon Boat Race':*



**TANJUNG PINANG INTERNATIONAL DRAGON BOAT RACE 2018**  
Tarikh : 19 - 21 Oktober 2018



**PERLUMBAAN PERAHU NAGA MELAKA SEMPENA FESTIVAL ANTARABANGSA SUNGAI MELAKA 2018**  
Tarikh : 2 Disember 2018



## PROGRAM 'JOHOR FUN RIDE 2019' BERSEMPENA JB WAKE UP! CAR FREE DAY

**7 Disember 2019** – Bersempena program JB Wake Up! Car Free Day yang diadakan di hadapan bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), MBBJ dengan kerjasama Persatuan Berbasikal Negeri Johor dan Yayasan Generasi Malaysia telah mengadakan program berbasikal iaitu 'Johor Fun Ride 2019'.

Penganjuran program ini bertujuan mempromosi gaya hidup sihat sambil berkayuh santai, di samping membudayakan minat terhadap sukan berbasikal kepada masyarakat setempat di negeri ini. Peserta juga berpeluang untuk berbasikal ke destinasi sejauh 40KM dan 70KM mengikut yuran penyertaan yang disediakan.

Program dua dalam satu ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya 'fun walk', 'zumba', sukan rakyat, sesi kayuhan basikal elektrik, pertandingan kayuh basikal lambat dan cabutan nombor bertuah dengan jumlah keseluruhan RM 15,000 untuk dimenangi.





Perasmian Bas Baharu Majlis Bandaraya  
Johor Bahru

Tarikh: 1 Oktober 2019



Cabutan Bertuah Cukai Harta

Tarikh: 2 Oktober 2019



Sidang Akhbar Hoki Piala Sultan Johor di  
Hotel Puteri Pacific Johor Bahru

Tarikh: 10 Oktober 2019



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan  
Kembara STEM dan Bicara Berirama Mutiara  
Daksina bersempena Gerakan Dekad Bahasa  
Kebangsaan di Aeon Mall Bandar Dato' Onn,  
Johor Bahru

Tarikh: 14 Oktober 2019



'Dataran Recreational Day' di Dataran  
Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 18 Oktober 2019



Penyerahan Bantuan Deepavali YBJB  
di Dewan Jubli Intan

Tarikh: 20 Oktober 2019





Pesta Kebudayaan 'Guan Gong' di Setia Eco Spring Johor Bahru

Tarikh: 20 Oktober 2019



Program Ratib dan Asmaul Husna di Dewan Jubli Intan  
Tarikh: 24 Oktober 2019



'Final' Piala Malaysia Melalui Tayangan Skrin Gergasi di Dataran Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 2 November 2019



Perasmian Kompleks Membeli-Belah 'Toppen' di Taman Desa Tebrau, Johor Bahru

Tarikh: 13 November 2019



Lawatan Datuk Bandar Johor Bahru dan Ketua-Ketua Jabatan MBBJ ke Menara MBBJ di Bukit Senyum

Tarikh: 18 November 2019



Acara Lelongan Haiwan Terbiar di Kg. Maju Jaya, Johor Bahru

Tarikh: 21 November 2019



# مجلس تهنيتي مولد الرسول

NEGERA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA

PENCERAMAH

MOHAMMAD KAZIM BIN ELIAS AL-HAFIZ

14 DISEMBER 2019 (SABTU) | BERMULA JAM 4.30 PETANG

HIDUP DAN MATIKU BERSAMA AL-QURAN

PENYURUAN BERSAMA:

TULANG LAUT | BERJAYA WATERFRONT JOHOR BAHRU



CERAMAH JAM 8.30 MALAM



## MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1441/2019

**14 Disember 2019** - Sempena sambutan Maulidur Rasul SAW yang bertemakan 'Negara Rahmah, Ummah Sejahtera' pada tahun ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Stulang Laut, Johor Bahru dan Hotel Berjaya Waterfront Johor Bahru telah mengadakan program ceramah perdana yang disampaikan oleh penceramah terkenal, Ustaz Dato' Mohammad Kazim Elias Al-Hafiz.

Program ceramah berjudul 'Hidup dan Matiku Bersama Al-Quran' yang bermula jam 8.30 malam itu telah dihadiri seramai 700 hadirin yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan, anggota MBJB, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, madrasah, pelajar-pelajar sekolah serta orang awam.

Selain itu, penganjuran program ini bertujuan mempromosikan projek saham wakaf bagi kerja pembesaran bangunan Masjid Stulang Laut setelah dinaik taraf daripada 'Surau Jumaat' kepada 'Masjid' pada 9 Mei 2019 yang lalu.





# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH UTAMA CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2018 & PELANCARAN APLIKASI MOBILE eKHIDMAT

30 Disember 2019 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan majlis penyampaian hadiah utama cabutan bertuah cukai harta 2018 kepada pemenang-pemenang bertuah yang tidak culas melaksanakan tanggungjawab membayar cukai harta iaitu telah menjelaskan kesemua cukai dan tunggakan sebelum atau pada 31 Ogos 2017. Sebagai penghargaan, seramai 15 orang pemenang hadiah utama bernilai RM 5,000 dan RM 20,000 diraikan dalam majlis tersebut.

MBJB mengambil inisiatif mengadakan program cabutan bertuah cukai harta bagi menggalakkan warga bandar raya menjelaskan pembayaran cukai pada masa yang ditetapkan selain memberi penghargaan kepada pembayar cukai yang membayar secara dalam talian (*online*).

Turut berlangsung, Majlis Pelancaran Aplikasi Mobile eKhidmat MBJB yang merupakan pihak berkuasa tempatan pertama di negeri Johor yang melancarkan dan menguarakan penggunaan aplikasi ini kepada orang ramai. Aplikasi ini membolehkan warga bandar raya menyemak dan membayar cukai harta, kompaun dan sewaan premis.



# JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

## PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

☎ 07-219 8000

**AHAD-RABU**  
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

**KHAMIS**  
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

**WAKTU REHAT**  
1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG

**JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM**  
TUTUP

## KAUNTER SETEMPAT MBBJ

**AHAD-RABU**  
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

**KHAMIS**  
8.00 PAGI - 3.30 PETANG

**JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM**  
TUTUP

## PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

☎ 07-396 1535

**AHAD-RABU**  
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

**KHAMIS**  
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

**JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM**  
TUTUP

## PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta dan Aduan Awam)

☎ 07-357 3314

**AHAD-RABU**  
9.00 PAGI - 4.00 PETANG

**KHAMIS**  
9.00 PAGI - 3.00 PETANG

**JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM**  
TUTUP

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

**AHAD - KHAMIS**  
1.00 TENGAH HARI - 10.00 MALAM

**JUMAAT & SABTU**  
8.00 PAGI - 5.00 PETANG

**WAKTU REHAT**  
7.00 MALAM - 8.00 MALAM (AHAD-KHAMIS) &  
12.15 TENGAH HARI - 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)

**KELEPASAN AM**  
TUTUP

## KAUNTER BERGERAK

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)  
Sila layari laman web MBBJ ([www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)) untuk jadual perkhidmatan terkini.

**NO. TEL. WAKTU PEJABAT**  
07-219 8077

**NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK**  
019-720 3290

## MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan  
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

## WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR

(Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS

**AHAD - RABU**  
**KHAMIS**

9.00 PAGI - 4.00 PETANG  
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

**TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM**

MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS

**DIBUKA PADA**  
**AHAD SAHAJA**

9.00 PAGI - 4.00 PETANG

**TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM**

Tel : 07-219 8008

(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



### MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor.

### MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,  
80720 Johor Bahru, Johor.

Talian Am : 07-219 8000 Faks: 07-223 0619

Talian Bebas Tol: 1-300-88-0146

Whatsapp Aduan: 019-778 8212

Laman SISPA: [mbjb.spab.gov.my](http://mbjb.spab.gov.my)

E-mel: [info@mbjb.gov.my](mailto:info@mbjb.gov.my)

ISSN 2637-3034

